



## KENYATAAN MEDIA

### **PENGEMASKINIAN SUKAT-SUKAT LANGKAH PENGAWALAN COVID-19 DAN SYARAT-SYARAT PERJALANAN KELUAR DAN MASUK NEGARA**

***Bandar Seri Begawan, Isnin, 12hb., September 2022***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jawatankuasa Pandu COVID-19, dengan bertawakkal ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, sukacita ingin memaklumkan mengenai **pengemaskinian sukat-sukat langkah pengawalan dalam negara dan syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara yang akan bermula serentak pada hari Khamis, 15hb., September 2022**, seperti berikut:

- 1. Pemakaian sungkup muka tidak lagi diwajibkan samada di dalam atau di luar bangunan dan orang ramai boleh membuat pilihan sendiri (*optional*) mengenai pemakaian sungkup muka.**

**Walau bagaimanapun, pemakaian sungkup muka masih diwajibkan untuk:**

- i) Orang-orang yang mempunyai tanda-tanda jangkitan (simptomatik) yang ada keperluan untuk keluar rumah;**
- ii) Di fasiliti-fasiliti kesihatan samada fasiliti kerajaan atau swasta (termasuk hospital, klinik, ambulans, pusat swab dan pusat suntikan);**
- iii) Jika diperlukan oleh mana-mana penganjur majlis; dan**
- iv) Bagi memastikan amalan pengendalian makanan di negara ini sentiasa berada di tahap yang baik, pengendali-pengendali makanan yang terlibat dalam penyediaan makanan di restoran, kedai makan, kafe dan gerai adalah juga diwajibkan untuk memakai sungkup muka semasa bekerja.**



2. Penjarakan mengikut ukuran lebar tikar sembahyang (bersaiz besar) bagi sembahyang fardhu berjemaah dan Sembahyang Fardhu Jumaat di masjid-masjid adalah masih dikekalkan dan penggunaan tikar sembahyang sendiri adalah digalakkan (tidak dimestikan).
3. Ujian saringan sendiri (ART) bagi warga sekolah di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pendidikan serta institusi latihan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah diselaraskan dengan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures – SOP*) bagi ujian saringan ART di Perkhidmatan Awam iaitu tidak lagi dilakukan secara berjadual dan hanya diperlukan bagi warga sekolah yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan atau jika diperlukan oleh pihak sekolah seperti sebelum menduduki peperiksaan atau menghadiri sebarang majlis. Walau bagaimanapun, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak yang ingin meneruskan sendiri ujian ART secara berkala di rumah boleh juga berbuat demikian di bawah tanggungan masing-masing.
4. Memandangkan musim peperiksaan di sekolah-sekolah dan peperiksaan awam di Negara Brunei Darussalam akan bermula pada bulan Oktober ini, calon-calon yang mempunyai kod *BruHealth* berwarna merah dan ungu adalah dibenarkan untuk menghadiri peperiksaan secara fizikal mengikut SOP kesihatan yang telah disediakan. Calon-calon yang mempunyai kod *BruHealth* berwarna merah atau ungu semasa hendak menduduki peperiksaan adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak sekolah dengan segera.
5. Pusat-pusat penjagaan kanak-kanak akan dibuka sepenuhnya mengikut SOP kesihatan yang telah disediakan.
6. Pemberian bantuan makanan dan bekalan *care package* yang berupa ubat-ubatan ringan dan kit ART bagi kes-kes positif akan dihentikan kecuali bantuan makanan bagi kes-kes positif yang merupakan penerima-penerima bantuan Kerajaan sahaja. Pihak-pihak yang berkenaan akan mengenalpasti penerima-penerima yang layak melalui senarai daftar yang sedia ada.



Manakala pengemaskinian syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara yang juga akan bermula pada hari Khamis, 15hb., September 2022 adalah seperti berikut:

- 1. Memandangkan Negara Brunei Darussalam telah dianggarkan mempunyai kadar imuniti yang tinggi berikutan kadar vaksinasi COVID-19 yang tinggi dan jumlah penduduk yang dianggarkan telah dijangkiti COVID-19, maka vaksinasi COVID-19 yang lengkap tidak lagi dipersyaratkan bagi perjalanan keluar dan masuk negara. Ini adalah berdasarkan penilaian bahawa perjalanan keluar dan masuk negara tidak lagi mempunyai impak yang signifikan kepada penularan jangkitan di negara ini.**
- 2. Orang ramai iaitu rakyat dan penduduk negara ini serta warga asing yang hendak kembali atau memasuki Negara Brunei Darussalam adalah tidak lagi dikehendaki untuk mengisikan Borang Deklarasi Ketibaan (*Arrival Declaration Form*).**
- 3. Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang hendak membuat perjalanan keluar negara dan warga asing yang hendak membuat perjalanan masuk ke negara ini adalah masih dikehendaki untuk memiliki insurans perjalanan yang sah yang meliputi perlindungan rawatan COVID-19.**
- 4. Sementara itu, rakyat Negara Brunei Darussalam yang hendak membuat perjalanan keluar negara adalah juga dikehendaki untuk membuat pendaftaran maklumat perjalanan keluar negara melalui *MFA e-Register* di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.**
- 5. Waktu beroperasi di pos-pos kawalan Negara Brunei Darussalam ditambah 2 jam iaitu akan dibuka dari jam 06:00 pagi hingga jam 08:00 malam.**

Pengemaskinian-pengemaskinian ini adalah mengambilkira keadaan jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang terkawal dan kadar imuniti yang tinggi di negara ini berikutan kadar vaksinasi COVID-19 yang tinggi dan jumlah penduduk yang dianggarkan telah dijangkiti COVID-19. Ia diharap akan dapat mendorong ke



arah kehidupan yang lebih selesa dalam normal baharu dan membolehkan kita kembali kepada keadaan sebelum pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, adalah ditekankan bahawa langkah-langkah berjaga-jaga dalam pencegahan sebarang penyakit berjangkit seperti COVID-19 merupakan tanggungjawab sosial masing-masing. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk meneruskan langkah-langkah pencegahan umum pada setiap masa seperti tidak pergi ke tempat-tempat yang penuh sesak jika tidak ada keperluan dan kerap mencuci tangan atau menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*). Ini juga termasuk tanggungjawab ibu bapa dan penjaga supaya memastikan anak-anak mereka sentiasa dalam keadaan yang sihat untuk menghadiri pembelajaran di sekolah-sekolah.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan secara bersepadu dalam melindungi keselamatan dan kesejahteraan orang ramai di negara ini.

Marilah kita terus menadah tangan untuk berdoa dan bertawakkal ke hadrat *Allah Subhanahu Wata'ala* agar kita semua dan Negara Brunei Darussalam terus dipelihara, dirahmati, aman damai, selamat dan sejahtera. *Aamiin aamiin ya Rabbal 'al-Aamiin*.

### ***JAWATANKUASA PANDU COVID-19***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

15hb., Safar 1444

12hb., September 2022



## **MEDIA STATEMENT**

### **UPDATES TO COVID-19 CONTROL MEASURES AND TRAVEL GUIDELINES**

***Bandar Seri Begawan, Monday, 12<sup>th</sup> September 2022***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the COVID-19 Steering Committee, with trust in *Allah Subhanahu Wa Ta'ala*, hereby announces the **updates to COVID-19 control measures as well as travel guidelines that will commence simultaneously on Thursday, 15<sup>th</sup> September 2022, as follows:**

- 1. Use of face masks indoors or outdoors will be optional and no longer be made mandatory. However, the use of face masks is still compulsory for:**
  - i) Individuals with symptoms (symptomatics) who may need to leave their house for any purposes;**
  - ii) In health facilities, either government or private facilities (including hospitals, clinics, ambulances, swab centres and vaccination centres);**
  - iii) If required by event organisers; and**
  - iv) To ensure good food handling practices, food handlers involved in food preparation in restaurants, eateries, cafés and food stalls are also required to wear face masks while working.**
- 2. The requirement for prayer mat-width distancing (using large-sized prayer mats) for daily congregational Fardhu prayers and Friday prayers in mosques is retained and the use of personal prayer mats is encouraged (not mandatory).**
- 3. Antigen rapid tests (ART) in schools and educational institutions as well as training institutions under the Ministry of Education, the Ministry of Religious Affairs and the Ministry of Culture, Youth and Sports is streamlined to Standard Operating Procedures (SOP) for**



**ART surveillance for Civil Service i.e. will no longer be conducted according to any schedule and are only required for symptomatic individuals or if required by schools such as prior to sitting for an examination or attending an event. However, parents or guardians may also decide to be responsible for their own ART surveillance at home.**

- 4. As school examinations including public exams will be starting in October in Brunei Darussalam, candidates with red and purple *BruHealth* code will be allowed to sit for the exams physically in exam centres, according to relevant health SOPs. Candidates with red or purple *BruHealth* code prior to any examination are advised to contact their school as soon as possible.**
- 5. Childcare centres will be opened fully according to relevant health SOP.**
- 6. The provision of food rations and care packages which include simple medication and ART kits for positive cases will be discontinued, except for the provision of food rations for positive cases who are recipients of Government welfare assistance. Relevant agencies will identify eligible recipients through existing registries.**

Meanwhile, updated travel guidelines that will also commence on Thursday, 15<sup>th</sup> September 2022 are as follows:

- 1. As Brunei Darussalam is estimated to have a high immunity rate following high COVID-19 vaccination rates and high proportion of residents have been infected by COVID-19, complete COVID-19 vaccination will no longer be an entry or exit requirement for Brunei Darussalam. This is based on the assessment that travel no longer has significant impact to the spread of infection in the country.**
- 2. The public i.e. citizens and residents of Brunei Darussalam as well as foreigners entering the country are no longer required to complete the Arrival Declaration Form (ADF).**



- 3. Citizens and Permanent Residents of Brunei Darussalam who are exiting the country as well as foreigners who are entering the country are still required to possess valid travel insurance that include COVID-19 treatment coverage.**
- 4. Meanwhile, citizens of Brunei Darussalam who are exiting the country are also required to register their outbound travel information on the *MFA e-Register* through the Ministry of Foreign Affairs website.**
- 5. Operating times at Brunei Darussalam's land control posts will be extended by 2 hours i.e. will be opened from 06.00am to 08.00pm.**

These amendments took into consideration that COVID-19 situation in Brunei Darussalam is under control and the high immunity rate following high rates of COVID-19 vaccination and the proportion of residents estimated to have been infected by COVID-19. It is hoped that this will encourage a more comfortable life in the new normal and allow us to return to pre-pandemic COVID-19 state. However, precautionary measures to prevent any infectious diseases such as COVID-19 are the social responsibility of all. The public are advised to continue general preventive measures at all times such as avoiding crowded areas especially if there is no requirement to be in the area and washing hands regularly or using hand sanitizer. In addition, this also includes the responsibility of parents and guardians in ensuring that their children are well to attend school.

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam will continue to work closely with stakeholders to protect the public's safety and well-being.

Let us continue to pray, and have faith in *Allah Subhanahu Wa Ta'ala* that Brunei Darussalam will continue to be blessed, peaceful, safe and prosperous. *Amin aamiin ya Rabbal 'al-Aamiin.*



***COVID-19 STEERING COMMITTEE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

15<sup>th</sup> Safar 1444

12<sup>th</sup> September 2022